

CREATIVE FURNITURE SDN BHD

INDUSTRI PERABOT PEMBUATAN KERUSI DAN MEJA SEKOLAH BERASASKAN KAYU

DISEDIAKAN UNTUK:

**EN. MOHAMMED ZAIN BIN IDRIS
PENSYARAH ETR 300**

DISEDIAKAN OLEH:

**IBRAHIM BIN DAUD
96561632**

**MASNI BINTI ZAINAL
96138499**

**JOHARI BIN ALWI
96518075**

**FAIRUL RAFIQ BIN AHMAD ZAWAWI
96635553**

**MOHD. NASIR BIN MAHMUD
96840471**



CREATIVE FURNITURE SDN BHD

ISI KANDUNGAN

SURAT PENGESAHAN	-----	-
SURAT PENYERAHAN	-----	1
PENDAHULUAN	-----	111
PENGHARGAAN	-----	1V
LOGO	-----	V1
PENERANGAN LOGO	-----	V11
PENGENALAN		1
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN		3
LATAR BELAKANG ORGANISASI		4
LATAR BELAKANG PROJEK		5
LATAR BELAKANG AHLI KONGSI		11
PERJANJIAN PERKONGSIAN		16
SINOPSIS		21
RANCANGAN PENTADBIRAN		24
RANCANGAN PEMASARAN		39
RANCANGAN OPERASI		65
RANCANGAN KEWANGAN		80
RUMUSAN		112
LAMPIRAN		113




Pengenalan

Syarikat Creative Sdn. Bhd. merupakan sebuah perniagaan yang berkonsepkan perindustrian kecil dan sederhana yang menghasilkan pembuatan perabot sekolah iaitu kerusi dan meja.Kerusi dan meja sekolah yang dihasilkan oleh perniagaan kami merupakan satu reka bentuk yang terbaru dan terkini bersesuaian dengan era masa kini.Model yang dihasilkan adalah kerusi murid ‘Solid Seat’ dan meja murid ‘Solid Top’.

Walaupun terdapat banyak persaingan namun ia tidak menghalang kami untuk meneruskan penghasilan produk kami kerana kami yakin produk yang kami keluarkan adalah berkualiti tinggi dan setanding dengan produk-produk yang dikeluarkan oleh pesaing.Keadaan ini dapat dibuktikan berdasarkan kelebihan kerusi dan meja yang direka khas untuk pelajar dari segi keselesaan,kepuashatian dan kualitinya yang tersendiri.

Berdasarkan keupayaan kami yang mampu menghasilkan barang yang berkualiti tinggi dan produktif dengan menggunakan mesin yang berteknologi tinggi serta mampu memenuhi syarat yang telah ditetapkan.Kami telah diserap oleh syarikat besar iaitu Guthrie Furniture Sdn. Bhd. sebagai anak syarikat. Syarikat Guthrie ini merupakan sebuah syarikat yang berpegang pada konsep pembangunan bela sedia iaitu sebuah syarikat yang menjaga pasaran bumiputra di dalam industri perabot bagi menandingi usahawan luar.

Perniagaan ini akan dijalankan di Kawasan Perindustrian Kangar,Perlis.Perabot yang dihasilkan oleh kami akan dipasarkan oleh Guthrie tidak hanya di Perlis sahaja.Ianya bergantung kepada permintaan negeri lain yang perlu dipenuhi.Di dalam sistem Guthrie,kami berada di dalam satu zon yang berkonsep payung.Zon tersebut ialah Perlis,Kedah,Perak dan Pulau Pinang.Namun begitu, pada peringkat permulaan ini kami hanya akan melakukan pemasaran di dalam negeri Perlis sahaja.Pemasaran kami dilakukan terhadap seluruh Sekolah-sekolah yang wujud di negeri Perlis termasuk sekolah swasta,Maktab Perguruan,Politeknik serta Institut Pengajian Tinggi.



CREATIVE FURNITURE SDN BHD

Perniagaan kami ini dijangkakan akan beroperasi pada bulan Januari 2000. Kami juga berhasrat untuk memenuhi kehendak pasaran yang dimonopoli oleh pengeluar bukan bumiputra. Ini adalah untuk membuktikan bahawa usahawan Melayu atau bumiputra juga mampu menghasilkan perabot yang berkualiti seperti yang dihasilkan oleh mereka. Malahan harga yang dikenakan juga adalah berpatutan berbanding dengan usahawan asing.



Creative Furniture Sdn Bhd

Latar Belakang Organisasi

Nama Syarikat	:	Creative Furniture Sdn Bhd
Alamat Syarikat	:	Lot 24 Kawasan Perusahaan Jejawi 02600 Jejawi Perlis Perlis Indera Kayangan
Alamat Surat Menyurat	:	Lot 24 Kawasan Perusahaan Jejawi 02600 Jejawi Perlis Perlis Indera Kayangan
Nombor Telefon	:	04-9774780
Bentuk Perniagaan	:	Syarikat Sendirian Berhad
Kegiatan Utama	:	Membuat kerusi dan meja sekolah yang berdasarkan kayu.
Tarikh Mula Perniagaan	:	1 Januari 2000
Tarikh Pendaftaran	:	1 September 1999
Modal Permulaan	:	Modal Sumbangan : RM 70 000 Modal Pinjaman : RM 110 000
Nama Bank	:	Bank Pembangunan